

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 (14)  
Tarikh : 19 Februari 2025

**Senarai edaran seperti lampiran**

**YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan**

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2025 MENGENAI MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA: CERAIAN SR.5.7.1 KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil 1 Tahun 2025 mengenai Menerima Pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia bagi Ceraian SR.5.7.1: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2025 bertarikh 25 Januari 2025 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar:

Puan Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali  
Pegawai Tadbir / Eksekutif  
Tel : 09-431 6363  
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(HELMI BIN MOHAMED ISA)**

Pengurus  
Bahagian Pengurusan Governan  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

**KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI**

## SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Dr. Yatimah binti Alias**  
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



## PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL.1 TAHUN 2025

---

### MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA : CERAIAN SR.5.7.1 : KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

#### TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Ceraian SR.5.7.1 berkenaan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

#### LATAR BELAKANG

- 2.0 Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2025 bertarikh 25 Januari 2025 telah memberikan kelulusan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Ceraian SR.5.7.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok Kepada Pegawai di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.
- 3.0 Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kerajaan bersetuju untuk menambah baik peraturan Cuti Tanpa Rekod (CTR) agar lebih fleksibel dalam memenuhi keperluan pegawai supaya kalis masa hadapan dan menerapkan prinsip *let managers manage* kepada Ketua Jabatan dalam pemberian CTR. Oleh itu, kemudahan CTR di struktur semula seperti berikut:

- i. Pewujudan CTR Kelompok; dan
- ii. 13 CTR sedia ada dikekalkan.

## PELAKSANAAN

- 4.0 Berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Ceraian SR.5.7.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok kepada Pegawai Perkhidmatan Awam, bilangan hari CTR Kelompok adalah maksimum 20 hari setahun kalendar. Penggunaannya adalah fleksibel mengikut keperluan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Pegawai boleh mengambil mana-mana CTR mengikut syarat ditetapkan dan mengatur bilangan hari CTR yang diambil mengikut keperluan seperti Jadual 1.

BIL	CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	KAEDAH PENGGUNAAN	
1.	Isteri Bersalin	Bilangan hari fleksibel mengikut syarat khusus	Jumlah keseluruhan bilangan hari CTR Kelompok yang diambil ialah maksimum 20 hari setahun kalendar
2.	Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat		
3.	Menjaga Ahli Keluarga Sakit		
4.	Umrah		
5.	Keagamaan		
6.	Mengambil Peperiksaan	Bilangan hari ditentukan mengikut syarat khusus	
7.	Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat		
8.	Menghadiri Aktiviti Koperasi		
9.	Lawatan Kebudayaan di Luar Negeri		
10.	Pertandingan Musabaqah Al-Quran		
11.	Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)		
12.	Aktiviti Khidmat Masyarakat		
13.	Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa		
14.	Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa		

BIL	CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	KAEDAH PENGGUNAAN	
15.	Menghadiri mesyuarat/bengkel/seminar anjuran Pihak Pekerja MBK		
16.	Hari Mengundi		
17.	Rawatan Hemodialisis		
18.	Perayaan ( <i>Good Friday</i> , Deepavali, <i>Christmas Eve</i> , Hari Raya Haji Kedua dan Thaipusam)		

5.0 Syarat umum pemberian CTR Kelompok adalah seperti berikut:

- a) bilangan hari CTR Kelompok adalah maksimum 20 hari satu (1) tahun kalendar tertakluk kepada syarat khusus di Lampiran SR.5.7.1(A);
- b) pegawai layak memohon CTR tertakluk kepada baki CTR Kelompok;
- c) tempoh cuti termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- d) sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi maksimum 20 hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkecualan; dan
- e) kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan atau meluluskan permohonan kemudahan ini. Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam.

## TARIKH KUAT KUASA

6.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

## PEMBATALAN

7.0 Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Ceraian kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) dan peraturan yang berkuat kuasa bagi kemudahan cuti seperti di Lampiran 1 adalah dibatalkan.

## MAKLUMAT PERTANYAAN

- 8.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini, mohon dikemukakan kepada:  
Unit Perkhidmatan dan Saraan,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Jabatan Pendaftar  
E-mel Rasmi : saraan.bsm@umpsa.edu.my

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)**

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh :



**PEMBATALAN CERAIAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER  
MANUSIA (PPSM)**

<b>BIL</b>	<b>JENIS CUTI TANPA REKOD</b>	<b>PERATURAN</b>
1.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat	Ceraian SR.5.2.1
2.	Kemudahan Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	Ceraian SR.5.2.3
3.	Kemudahan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Disapina Untuk Hadir Ke Mahkamah di Luar Stesen	Ceraian SR.5.2.4
4.	Kemudahan Cuti Umrah	Ceraian SR.5.3.2
5.	Kemudahan Cuti Keagamaan	Ceraian SR.5.3.3
6.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu	Ceraian SR.5.3.6
7.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan <i>Good Friday</i> Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Kristian	Ceraian SR.5.3.7
8.	Kemudahan Cuti Isteri Bersalin	Ceraian SR.5.4.2
9.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dilantik Sebagai Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	Ceraian SR.5.5.4
10.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menyertai Musabqah Al-Quran Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	Ceraian SR.5.5.5
11.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dipilih Untuk Mengambil Bahagian Dalam Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri	Ceraian SR.5.5.6
12.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat	Ceraian SR.5.5.7
13.	Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Menganut Agama Hindu Yang Berkhidmat Di Negeri Sarawak	JPA.(S).800-1/1/7 JLD.4 (17) bertarikh 9 November 2023



## KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK

### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok kepada Pegawai Perkhidmatan Awam.

### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui Perintah Am 40 hingga 47 Bab C (Cuti) Tahun 1974, Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran serta Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM), Pekeliling Induk SR.5 telah memperuntukkan kemudahan cuti termasuk Cuti Tanpa Rekod (CTR) kepada pegawai atas urusan tertentu yang menepati syarat pemberian CTR dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

3. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kerajaan bersetuju untuk menambah baik peraturan CTR agar lebih fleksibel dalam memenuhi keperluan pegawai supaya kalis masa hadapan dan menerapkan prinsip *let managers manage* kepada Ketua Jabatan dalam pemberian CTR. Oleh itu, kemudahan CTR distruktur semula seperti berikut:

- (i) Pewujudan CTR Kelompok; dan
- (ii) 13 CTR sedia ada dikekalkan.

4. Selaras dengan ceraian ini, peruntukan sedia ada mengenai Cuti Menghadiri Latihan Syarikat Kerjasama dalam Perintah Am 43 Bab C (Cuti) Tahun 1974 adalah dipinda nama dan pelaksanaannya.

### TAFSIRAN

5. Dalam Ceraian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

**“adik-beradik”** bermaksud beberapa orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pegawai kerana seayah dan seibu, atau seayah atau seibu;

**“aktiviti khidmat masyarakat”** bermaksud kegiatan atau kerja-kerja



kemasyarakatan yang dilaksanakan secara sukarela yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara;

“**anak angkat**” bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula;

“**anak angkat *de facto***” bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan *de facto*, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah seksyen 6, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Akta 253*];

“**anak kandung**” bermaksud anak sendiri;

“**anak pelihara**” bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*];

“**anak tiri tanggungan**” bermaksud anak kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinannya yang terdahulu (bukan darah daging sendiri) yang tinggal bersama dan ditanggung nafkahnya;

“**bapa angkat**” bermaksud bapa kepada anak angkat seperti diperuntukkan di bawah Akta 257;

“**bapa mentua**” bermaksud bapa kepada isteri atau suami yang sah;

“**bapa tiri**” bermaksud suami ibu yang bukan merupakan bapa kandung pegawai;

“**datuk**” bermaksud bapa kandung kepada ibu kandung atau bapa kandung pegawai;

“**ibu angkat**” bermaksud ibu kepada anak angkat seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 257;

“**ibu mentua**” bermaksud ibu kepada isteri atau suami yang sah;

“**ibu tiri**” bermaksud isteri bapa yang bukan merupakan ibu kandung pegawai;



“**Ketua Jabatan**” bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Cuti Rehat bagi kementerian, jabatan, institusi atau agensi;

“**nenek**” bermaksud ibu kandung kepada ibu kandung atau bapa kandung pegawai;

“**pertubuhan yang diluluskan**” bermaksud pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau pertubuhan yang mempunyai akta penubuhan sendiri/ undang-undang khusus yang lain atau yayasan yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau Akta Syarikat 2016 atau undang-undang khusus lain yang berkuat kuasa di dalam negara; dan

“**satu (1) tahun kalendar**” bermaksud tempoh masa satu tahun mulai 1 Januari hingga 31 Disember pada tahun yang sama.

## PELAKSANAAN

6. CTR Kelompok merupakan gabungan 13 CTR sedia ada dengan tujuh (7) CTR baharu. Bilangan hari CTR Kelompok adalah **maksimum 20 hari setahun kalendar**. Penggunaannya adalah fleksibel mengikut keperluan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Pegawai boleh mengambil mana-mana CTR mengikut syarat ditetapkan dan mengatur bilangan hari CTR yang diambil mengikut keperluan seperti **Jadual 1**.

**Jadual 1: Pelaksanaan CTR Kelompok**

Bil.	CTR Kelompok	Kaedah Penggunaan	
1.	Isteri Bersalin	Bilangan hari fleksibel mengikut syarat khusus	Jumlah keseluruhan
2.	Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat		
3.	Menjaga Ahli Keluarga Sakit		
4.	Umrah		
5.	Keagamaan		
6.	Mengambil Peperiksaan	Bilangan hari ditetapkan mengikut syarat khusus	
7.	Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat		
8.	Menghadiri Aktiviti Koperasi		
9.	Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri		



Bil.	CTR Kelompok	Kaedah Penggunaan	
10.	Pertandingan Musabaqah Al-Quran		bilangan hari CTR Kelompok yang diambil ialah maksimum 20 hari setahun kalendar
11.	Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)		
12.	Aktiviti Khidmat Masyarakat		
13.	Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa		
14.	Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa		
15.	Menghadiri mesyuarat/ bengkel/ seminar anjuran Pihak Pekerja MBK		
16.	Hari Mengundi		
17.	Rawatan Hemodialisis		
18.	Perayaan ( <i>Good Friday</i> , <i>Deepavali</i> , <i>Christmas Eve</i> , Hari Raya Haji Kedua dan <i>Thaipusam</i> )		

7. Syarat umum pemberian CTR Kelompok adalah seperti berikut:
- bilangan hari CTR Kelompok adalah **maksimum 20 hari satu (1) tahun kalendar** tertakluk kepada syarat khusus di **Lampiran SR.5.7.1(A)**;
  - pegawai layak memohon CTR tertakluk kepada baki CTR Kelompok;
  - tempoh cuti termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi maksimum 20 hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkecualan; dan
  - kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/ meluluskan permohonan kemudahan ini. Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam.
8. Contoh simulasi CTR Kelompok adalah seperti di **Lampiran SR.5.7.1(B)**.
9. Borang permohonan CTR Kelompok adalah seperti di **Lampiran SR.5.7.1(C)**.



## TARIKH KUAT KUASA

10. Tarikh kuat kuasa Ceraian ini adalah mulai **1 Disember 2024**.

## PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Ceraian kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) dan peraturan berkuat kuasa bagi Kemudahan Cuti seperti berikut adalah dibatalkan kecuali bagi perkhidmatan Anggota Tentera Malaysia, Ceraian tersebut hendaklah terus berkuat kuasa.

BIL	JENIS CTR	PERATURAN
1.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat	Ceraian SR.5.2.1
2.	Kemudahan Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	Ceraian SR.5.2.3
3.	Kemudahan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Disapina Untuk Hadir Ke Mahkamah Di Luar Stesen	Ceraian SR.5.2.4
4.	Kemudahan Cuti Umrah	Ceraian SR.5.3.2
5.	Kemudahan Cuti Keagamaan	Ceraian SR.5.3.3
6.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu	Ceraian SR.5.3.6
7.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan <i>Good Friday</i> Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Kristian	Ceraian SR.5.3.7
8.	Kemudahan Cuti Isteri Bersalin	Ceraian SR.5.4.2
9.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dilantik Sebagai Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	Ceraian SR.5.5.4
10.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menyertai Musabaqah Al-Quran Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	Ceraian SR.5.5.5
11.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dipilih Untuk Mengambil Bahagian Dalam Lawatan Kebudayaan Di Luar	Ceraian SR.5.5.6



<b>BIL</b>	<b>JENIS CTR</b>	<b>PERATURAN</b>
	Negeri	
12.	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat	Ceraian SR.5.5.7
13.	Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Menganut Agama Hindu Yang Berkhidmat Di Negeri Sarawak	JPA.(S).800-1/1/7 JLD.4 (17) bertarikh 9 November 2023

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

**SYARAT KHUSUS DAN TEMPOH CTR KELOMPOK**

<b>BIL</b>	<b>CTR KELOMPOK</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	<b>TEMPOH</b>
1.	Isteri Bersalin	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diberikan kepada pegawai lelaki untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin;</li> <li>ii. Bermula pada tarikh isteri pegawai bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat;</li> <li>iii. Masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;</li> <li>iv. Dihadkan kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan;</li> <li>v. Dipanjangkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan;</li> <li>vi. Mengemukakan salinan perakuan bersalin isterinya kepada Ketua Jabatan; dan</li> <li>vii. Direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti).</li> </ul>	<p>Bilangan hari yang boleh diambil adalah di antara satu (1) hingga 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.</p>

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
2.	Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="539 244 1040 416">i. Diperuntukkan kepada pegawai untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan ahli keluarga terdekat;</li> <li data-bbox="539 472 1040 734">ii. Boleh digunakan bagi urusan pengebumian jenazah ahli keluarga terdekat itu dan untuk membantu waris-waris jenazah tersebut untuk urusan-urusan lain yang berkaitan;</li> <li data-bbox="539 790 1040 1238">iii. Ahli keluarga terdekat adalah suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat <i>de facto</i>, anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai;</li> <li data-bbox="539 1294 1040 1653">iv. Bagi maksud kemudahan yang diperuntukkan untuk urusan kematian ibu mentua atau bapa mentua, kemudahan ini adalah terhad bagi seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan;</li> <li data-bbox="539 1709 1040 1933">v. Bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat;</li> </ul>	Bilangan hari yang boleh diambil adalah di antara satu (1) hingga 20 hari satu dalam (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<p>vi. Masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;</p> <p>vii. Mengemukakan salinan dokumen pengesahan kematian ahli keluarga terdekat apabila pegawai kembali bertugas;</p> <p>viii. Kemudahan ini turut terpakai kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan; dan</p> <p>ix. Hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</p>	
3.	Menjaga Ahli Keluarga Sakit	<p>i. Diberikan kepada pegawai bagi tujuan menjaga ahli keluarga yang sakit;</p> <p>ii. Bagi tujuan kemudahan ini, keluarga meliputi keluarga pegawai sendiri (isteri/suami dan anak-anak), ibu kandung, ibu angkat, ibu mentua, ibu tiri, bapa kandung, bapa angkat, bapa mentua, bapa tiri, adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai. Istilah anak termasuk anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak</p>	Bilangan hari yang boleh diambil adalah di antara satu (1) hingga 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<p>angkat <i>de facto</i>, anak pelihara dan anak tiri tanggungan;</p> <p>iii. Kemudahan ini boleh digunakan untuk menjaga ahli keluarga yang sakit di mana-mana lokasi;</p> <p>iv. Pegawai mengemukakan:</p> <p>a. salinan sijil sakit atau perakuan sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta; dan</p> <p>b. pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta bahawa ahli keluarga yang sakit tersebut memerlukan bantuan dan penjagaan rapi.</p> <p>v. Tidak boleh digunakan bagi tujuan untuk menjaga anak yang menghadapi penyakit berjangkit atau memerlukan pengasingan di bawah peraturan SR.5.4.4 (Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan).</p> <p>vi. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</p>	

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
4.	Umrah	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="531 237 1046 456">i. Diberikan kepada pegawai yang beragama Islam untuk menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah;</li> <li data-bbox="531 510 1046 730">ii. Diberikan sekali sahaja (<i>one-off</i>) sepanjang tempoh perkhidmatan, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik;</li> <li data-bbox="531 784 1046 958">iii. Permohonan Cuti Umrah hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan bagi kelulusan Ketua Jabatan; dan</li> <li data-bbox="531 1012 1046 1232">iv. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti).</li> </ul>	Bilangan hari yang boleh diambil adalah di antara satu (1) hingga 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.
5.	Keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="531 1290 1046 1599">i. Diberikan kepada pegawai yang bukan beragama Islam untuk mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam dan luar negara mengikut agama dan kepercayaan masing-masing;</li> <li data-bbox="531 1653 1046 1872">ii. Diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan (<i>one-off</i>), yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik;</li> <li data-bbox="531 1926 1046 2002">iii. Permohonan Cuti Keagamaan hendaklah disertakan dengan</li> </ul>	Bilangan hari yang boleh diambil adalah di antara satu (1) hingga 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<p>dokumen berkaitan bagi kelulusan Ketua Jabatan;</p> <p>iv. Bagi tujuan mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di luar negara, pegawai perlu mematuhi nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa; dan</p> <p>v. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti).</p>	
6.	Mengambil Peperiksaan	<p>i. Diberikan kepada pegawai untuk membolehkan seseorang pegawai menduduki sebarang peperiksaan bagi membaiki peluang hidup di masa hadapan;</p> <p>ii. Peperiksaan merangkumi:</p> <p>a. peperiksaan bertulis/ lisan (fizikal atau dalam talian);</p> <p>b. peperiksaan fizikal (contoh: Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan - UKJK);</p> <p>c. penilaian bagi tujuan lantikan ke skim perkhidmatan tertentu;</p> <p>d. pembentangan kertas penyelidikan di universiti (peringkat <i>viva voce</i>); dan</p> <p>e. temuduga (fizikal atau dalam talian).</p>	Bilangan hari terhad pada hari peperiksaan sahaja maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		iii. Hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	
7.	Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat	i. Diberikan kepada pegawai yang disapina untuk hadir ke mahkamah di luar Ibu Pejabat sebagai saksi pihak bukan Kerajaan; dan  ii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	Bilangan hari adalah mengikut tempoh sebenar untuk hadir di mahkamah termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.
8.	Menghadiri Aktiviti Koperasi	i. Diberikan kepada pegawai yang menjadi anggota koperasi untuk menghadiri aktiviti koperasi yang diadakan dalam atau di luar Malaysia seperti berikut:  a. kursus, latihan dan seminar anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Institut Koperasi Malaysia; atau  b. mesyuarat koperasi.  ii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	Bilangan hari mengikut tempoh sebenar maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
9.	Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri	i. Diberikan kepada pegawai yang dipilih untuk mengambil bahagian dalam lawatan kebudayaan di luar negeri; ii. Anjuran Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Komunikasi atau Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; dan iii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	Bilangan hari mengikut tempoh yang diperlukan bagi lawatan kebudayaan tersebut maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.
10.	Pertandingan Musabaqah Al-Quran	i. Diberikan kepada pegawai yang menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sebagai peserta atau pembimbing; dan ii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	i. Diberikan bagi tempoh yang diperlukan untuk menyertai dan mengambil bahagian dalam majlis berkenaan Pertandingan Musabaqah Al-Quran termasuk perjalanan pergi dan balik. ii. Bilangan hari maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.
11.	Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	i. Diberikan kepada pegawai yang dilantik sebagai jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN); ii. Diluluskan CTR bagi tempoh berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. mengikuti kursus untuk jurulatih;</li> <li>b. menjalankan tugas sebagai jurulatih;</li> </ol>	Bilangan hari adalah mengikut tempoh sebenar program termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		iii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	
12.	Aktiviti Khidmat Masyarakat	i. Diberikan kepada pegawai yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan bagi menggalakkan penyertaan pegawai dalam aktiviti khidmat masyarakat;  ii. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan mengemukakan surat daripada pertubuhan mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan; dan  iii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).	i. Bilangan hari adalah maksimum lima (5) hari dalam satu (1) tahun kalendar.  ii. Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan kurang daripada empat (4) jam, pegawai hendaklah menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja ( <u>Ceraian SR.4.2.2</u> ).
13.	Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa	i. Diberikan kepada pegawai yang memberi sumbangan ilmu di peringkat antarabangsa;  ii. Pegawai mendapat jemputan untuk memberi sumbangan ilmu di peringkat antarabangsa seperti pembentangan kajian, ahli panel dan penceramah. Sumbangan ilmu peringkat antarabangsa adalah termasuk yang diadakan di Malaysia atau luar Malaysia;	Bilangan hari adalah mengikut tempoh sebenar program termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Tidak menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa;</li> <li>iv. Bukan merupakan tugas rasmi pegawai; dan</li> <li>v. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</li> </ul>	
14.	Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diberikan kepada pegawai yang mengikuti program pertukaran peringkat antarabangsa;</li> <li>ii. Mendapat jemputan untuk menyertai program di bawah kelolaan kementerian/ jabatan/ agensi Kerajaan yang diadakan di Malaysia ataupun luar Malaysia;</li> <li>iii. Tidak termasuk program kelolaan swasta/ persendirian; dan</li> <li>iv. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</li> </ul>	Bilangan hari adalah mengikut tempoh sebenar program termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.
15	Menghadiri Mesyuarat/ Bengkel/ Seminar Anjuran Pihak Pekerja MBK	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diberikan kepada pegawai atau ahli Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh Pihak Pekerja MBK;</li> </ul>	Bilangan hari adalah mengikut tempoh sebenar program maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Mendapat jemputan daripada Pengerusi/ Setiausaha Pihak Pekerja MBK bagi menghadiri mesyuarat, bengkel dan seminar anjuran Pihak Pekerja MBK; dan</li> <li>iii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</li> </ul>	
16	Hari Mengundi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diberikan kepada pegawai bagi tujuan mengundi;</li> <li>ii. Pegawai merupakan pemilih berdaftar bagi Pilihan Raya Umum (PRU), Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Kecil (PRK); dan</li> <li>iii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</li> </ul>	Bilangan hari adalah pada tarikh sebenar pegawai mengundi.
17.	Rawatan Hemodialisis	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diberikan kepada pegawai bagi tujuan mendapatkan rawatan hemodialisis;</li> <li>ii. Pegawai hendaklah mengemukakan dokumen pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta untuk menjalani rawatan hemodialisis;</li> <li>iii. Rawatan hemodialisis dilaksanakan di hospital Kementerian Kesihatan, badan bukan kerajaan, pusat dialisis</li> </ul>	Bilangan hari adalah mengikut tarikh rawatan hemodialisis yang telah ditetapkan maksimum 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<p>swasta, pusat rawatan di universiti-universiti, pusat rawatan dialisis angkatan tentera dan rumah/ lokasi lain yang mendapat kelulusan Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta;</p> <p>iv. Pusat rawatan hemodialisis swasta hendaklah berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586);</p> <p>v. Pegawai tidak diberikan sijil sakit selepas mendapatkan rawatan hemodialisis;</p> <p>vi. Sekiranya pegawai menerima sijil sakit selepas mendapatkan rawatan hemodialisis, pegawai perlu menggunakan kemudahan Cuti Sakit; dan</p> <p>vii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</p>	
18.	Perayaan <i>(Good Friday,</i> <i>Deepavali,</i> <i>Christmas Eve,</i> Hari Raya Haji Kedua dan Thaipusam)	<p>i. Perayaan di bawah kemudahan CTR Kelompok ini adalah seperti berikut:</p> <p><i>a. Good Friday;</i>  <i>b. Deepavali;</i>  <i>c. Christmas Eve;</i>            d. Hari Raya Haji Kedua; dan            e. Thaipusam.</p>	Bilangan hari adalah satu (1) hari dalam satu (1) tahun kalendar bagi setiap perayaan.

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<p>ii. CTR <i>Good Friday</i> diberikan kepada pegawai yang menganut agama Kristian sempena perayaan <i>Good Friday</i> di negeri-negeri yang perayaan <i>Good Friday</i> bukan merupakan Hari Kelepasan Am;</p> <p>iii. Bagi pegawai yang menganut agama Hindu yang berkhidmat di negeri-negeri yang perayaan Deepavali adalah merupakan Hari Kelepasan Am, CTR Deepavali diberikan bagi menyambut perayaan Hari Deepavali sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali;</p> <p>Bagi pegawai yang menganut agama Hindu yang berkhidmat di Sarawak (negeri yang perayaan Deepavali bukan merupakan Hari Kelepasan Am), pelaksanaan CTR Deepavali adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari bekerja, pegawai boleh memohon CTR Deepavali pada hari tersebut; atau</li> <li>b. sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari Ahad,</li> </ul>	

BIL	CTR KELOMPOK	SYARAT KHUSUS	TEMPOH
		<p>pegawai boleh memohon CTR Deepavali pada hari bekerja berikutnya.</p> <p>iv. CTR <i>Christmas Eve</i> diberikan kepada pegawai yang menganut agama Kristian di negeri-negeri yang perayaan <i>Christmas Eve</i> bukan merupakan Hari Kelepasan Am;</p> <p>v. CTR Hari Raya Haji Kedua diberikan kepada pegawai yang beragama Islam iaitu pada hari kedua sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Raya Haji di negeri-negeri yang perayaan Hari Raya Haji Kedua bukan merupakan Hari Kelepasan Am;</p> <p>vi. CTR Thaipusam diberikan kepada pegawai yang menganut agama Hindu bagi menyambut perayaan Thaipusam di negeri-negeri yang perayaan Thaipusam bukan merupakan Hari Kelepasan Am; dan</p> <p>vii. Kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).</p>	

**SOALAN LAZIM  
CUTI TANPA REKOD KELOMPOK  
(MyPPSM Ceraian SR.5.7.1)**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Bilakah penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok ini berkuat kuasa?	Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.
2.	Bagaimanakah pelaksanaan CTR Kelompok?	<p>Terdapat 18 jenis cuti di bawah CTR Kelompok yang boleh digunakan secara fleksibel mengikut keperluan pegawai tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan pertimbangan Ketua Jabatan.</p> <p>Pegawai boleh sama ada menggunakan beberapa jenis cuti atau menggunakan satu jenis cuti sahaja di bawah CTR Kelompok tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p> <p>Jumlah keseluruhan bilangan hari CTR Kelompok yang boleh diambil ialah maksimum 20 hari setahun kalendar.</p>
3.	<p><b><u>CTR Kelompok Isteri Bersalin</u></b></p> <p>a) Pegawai telah menggunakan kemudahan CTR Isteri Bersalin sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 2010 (7 hari), 2015 (7 hari) dan 2017 (7 hari). Pada bulan Mac 2025, isteri pegawai dijangka bersalin.</p> <p>i. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan CTR Isteri Bersalin?</p>	<p>Layak. Pegawai masih lagi mempunyai kelayakan untuk menggunakan dua (2) kali lagi CTR Kelompok Isteri Bersalin kerana kemudahan ini dihadkan kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	ii. Berapakah kadar yang boleh digunakan?	Pegawai boleh menggunakan CTR Kelompok Isteri Bersalin di antara satu (1) hingga 20 hari setahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok pegawai.
	b) Isteri pegawai telah melahirkan anak sulung mereka pada 3 Mac 2025. Namun begitu, dua (2) hari kemudian, anak beliau telah meninggal dunia. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga atau kemudahan CTR Kelompok Isteri Bersalin?	Pegawai layak menggunakan sama ada kemudahan CTR Kelompok Isteri Bersalin mulai tarikh isteri pegawai bersalin atau CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.  Sekiranya pegawai sedang menggunakan kemudahan CTR Kelompok Isteri Bersalin, maka pegawai tidak layak menggunakan kemudahan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.
4.	<p><b><u>CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat</u></b></p> a) Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat sekiranya terdapat kematian adik-beradik pegawai yang mempunyai ayah yang sama tetapi ibu yang berlainan?	Layak.  Maksud ‘adik-beradik’ seperti yang dinyatakan dalam Ceraian SR.5.7.1 ialah beberapa orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan kerana seayah dan seibu, atau seayah atau seibu.
	b) Bagaimana pula sekiranya terdapat kematian adik-beradik tiri pegawai. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat?	Tidak layak.  Adik-beradik tiri tidak termasuk dalam tafsiran ahli keluarga terdekat seperti yang dinyatakan dalam Ceraian SR.5.7.1.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>c) Adakah terdapat had penggunaan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi setiap kes kematian yang melibatkan adik-beradik dalam setahun?</p>	<p>Pegawai boleh menggunakan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat di antara 1 hingga 20 hari setahun bagi setiap kes kematian yang melibatkan adik-beradik.</p> <p>Penggunaan adalah maksimum 20 hari setahun tertakluk kepada baki CTR kelompok yang masih ada.</p>
	<p>d) Bagi pegawai yang menggunakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF), apakah yang dimaksudkan dengan selepas waktu pejabat?</p>	<p>Selepas waktu pejabat bermaksud selepas pukul 6.00 petang berdasarkan Ceraian SR.4.1.1 [Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan].</p> <p>Sekiranya kematian berlaku selepas pukul 6.00 petang maka CTR Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula pada hari berikutnya.</p>
	<p>e) Pegawai telah kematian suami pada tahun 2017. Beliau tidak berkahwin semula selepas kematian suaminya. Pada tahun 2025 ibu mertua pegawai iaitu ibu kepada arwah suaminya telah meninggal dunia. Adakah pegawai berkenaan layak menggunakan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat?</p>	<p>Layak</p> <p>Takrifan ‘ahli keluarga terdekat’ termasuk ibu mentua, bapa mentua yang sah. Dalam hal ini, pegawai perkhidmatan awam yang berstatus balu atau duda (ketika suami/isterinya meninggal dunia masih ada ikatan yang sah suami/ isteri dan belum berkahwin baru) adalah layak menggunakan CTR ini.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>f) Pegawai telah bercerai dengan isteri dan telah berkahwin baharu. Bekas bapa mentua pegawai telah meninggal dunia. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi mantan bapa mentua?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>Kemudahan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat ini hanya boleh digunakan untuk kematian bapa mentua iaitu bapa kepada isteri pegawai yang sah yang masih dalam ikatan perkahwinan.</p>
	<p>g) Sekiranya nenek atau datuk pasangan pegawai meninggal dunia, adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>Kemudahan ini hanya boleh digunakan untuk kematian nenek atau datuk pegawai sahaja.</p>
	<p>h) Pegawai bertugas di Putrajaya. Bapa beliau meninggal dunia pada 5 Jun 2025 pada pukul 10.00 pagi, di kampungnya di Sarawak. Disebabkan tiket penerbangan ke Sarawak telah penuh, tarikh terawal pegawai dapat pulang ke Sarawak adalah pada 6 Jun 2025. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula pada 6 Jun 2025?</p>	<p>CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat adalah bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat.</p> <p>Oleh itu, dalam kes ini, pegawai layak menggunakan kemudahan CTR Kelompok Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula 5 Jun 2025 tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	<p><b><u>CTR Kelompok Menjaga Ahli Keluarga Sakit</u></b></p> <p>a) Anak pegawai yang berumur 15 tahun mengalami demam dan selsema biasa. Adakah pegawai layak memohon untuk menggunakan CTR Menjaga Ahli Keluarga Sakit bagi menjaga anaknya di rumah?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>Kemudahan ini hanya diberikan kepada pegawai bagi menjaga ahli keluarga yang sakit dan memerlukan bantuan dan penjagaan rapi yang diperaku oleh pegawai perubatan sahaja.</p>
	<p>b) Anak pegawai dijangkiti demam denggi dan perlu dikuarantin selama 12 hari. Pegawai telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan (CMAKP) selama 5 hari. Oleh kerana demam denggi anaknya masih belum sembuh, pegawai ingin memohon untuk menggunakan CTR Kelompok Menjaga Ahli Keluarga Sakit bagi tempoh 7 hari lagi. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Menjaga Ahli Keluarga Sakit tersebut?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>CTR Kelompok Menjaga Ahli Keluarga Sakit tidak terpakai bagi pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan (CMAKP). Bagi tempoh tujuh (7) hari tambahan yang diperlukan, pegawai boleh menggunakan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkecualan.</p>
	<p>c) Anak pegawai telah dimasukkan ke wad hospital disebabkan penyakit asma yang kronik. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Menjaga Ahli Keluarga Sakit?</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak menggunakan CTR Menjaga Ahli Keluarga Sakit untuk menjaga anak yang dimasukkan ke wad hospital.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>d) Ayah pegawai telah menghidap strok kronik selama empat (4) tahun. Pegawai telah memohon CTR Kelompok Menjaga Ahli Keluarga Sakit untuk menjaga ayahnya yang tinggal seorang diri di kampung selama 40 hari. Adakah Ketua Jabatan boleh meluluskan permohonan pegawai tersebut?</p>	<p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pegawai sebanyak 20 hari sahaja tertakluk kepada baki CTR Kelompok pegawai dan pengesahan daripada pegawai perubahan bahawa ayah pegawai tidak sihat dan memerlukan bantuan dan penjagaan rapi.</p>
<p>6.</p>	<p><b><u>CTR Kelompok Umrah</u></b></p> <p>a) Pegawai tidak pernah menggunakan CTR Umrah sepanjang perkhidmatan. Adakah pegawai layak memohon CTR Kelompok Umrah selama 14 hari bagi menunaikan Umrah?</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai boleh menggunakan CTR Kelompok Umrah selama 14 hari sekiranya pegawai masih lagi mempunyai baki CTR Kelompok tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.</p>
	<p>b) Bilakah bermulanya perkiraan untuk CTR Umrah pegawai?</p>	<p>Perkiraan tarikh bermula Umrah adalah mengikut kesesuaian keperluan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p>
	<p>c) Pegawai belum pernah menggunakan CTR Kelompok Umrah sepanjang perkhidmatan. Pada Ogos 2025, pegawai mempunyai baki CTR Kelompok sebanyak 12 hari. Pegawai memohon menggunakan CTR Kelompok Umrah selama 20 hari bermula pada 20 Disember 2025 hingga 8 Januari 2026. Bagaimanakah pelaksanaan kelulusan CTR Kelompok Umrah tersebut?</p>	<p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kelulusan CTR Kelompok Umrah pegawai selama 12 hari pada tahun 2025 dan selama 8 hari bagi tahun 2026. Penggunaan CTR Kelompok Umrah ini dikira sebagai sekali penggunaan sepanjang perkhidmatan kerana diambil secara berterusan walaupun melangkaui tahun.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>d) Adakah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berhasrat untuk menunaikan umrah dalam tempoh Cuti Penggal perlu menggunakan kemudahan CTR Kelompok Umrah ini?</p>	<p>Pegawai Perkhidmatan Pendidikan boleh memilih:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menggunakan kemudahan CTR Kelompok Umrah bagi mengelakkan pegawai dipanggil bertugas semasa Cuti Penggal; atau</li> <li>ii. memohon kebenaran daripada Ketua Jabatan untuk menggunakan Cuti Penggal bagi tujuan menunaikan umrah.</li> </ul>
7.	<p><b><u>CTR Kelompok Keagamaan</u></b></p> <p>a) Pegawai mempunyai baki CTR Kelompok sebanyak 10 hari dan pegawai tidak pernah menggunakan CTR Kelompok Keagamaan sepanjang perkhidmatan.</p> <p>Adakah pegawai layak memohon untuk menggunakan CTR kelompok Keagamaan selama 14 hari bagi melaksanakan aktiviti keagamaan di Batu Caves Selangor?</p>	<p>Pegawai hanya layak memohon CTR kelompok Keagamaan sebanyak 10 hari sahaja memandangkan baki CTR Kelompok pegawai hanya berbaki 10 hari sahaja bagi tahun tersebut. Bagi tempoh empat (4) hari lagi yang diperlukan, pegawai boleh memohon Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas, atau Cuti Tanpa Gaji yang berkecualan.</p>
	<p>b) Bilakah bermulanya perkiraan untuk CTR Keagamaan pegawai?</p>	<p>Perkiraan tarikh bermula aktiviti keagamaan adalah mengikut kesesuaian keperluan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p>
	<p>c) Apakah jenis aktiviti-aktiviti keagamaan dan tempat-tempat keagamaan yang dibenarkan?</p>	<p>Tiada penetapan khusus ke atas aktiviti-aktiviti dan tempat-tempat keagamaan di dalam dan luar negara. Kelulusan kemudahan Cuti</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Keagamaan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan dengan dokumen sokongan seperti surat jemputan, tiket penerbangan dan visa (jika perlu).
	d) Adakah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berhasrat untuk melaksanakan aktiviti keagamaan dalam tempoh cuti penggal perlu menggunakan kemudahan CTR Kelompok Keagamaan ini?	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan boleh memilih: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menggunakan kemudahan CTR Kelompok Keagamaan bagi mengelakkan pegawai dipanggil bertugas semasa Cuti Penggal; atau</li> <li>ii. memohon kebenaran daripada Ketua Jabatan untuk menggunakan Cuti Penggal bagi tujuan aktiviti keagamaan.</li> </ul>
8.	<p><b><u>CTR Kelompok Mengambil Peperiksaan</u></b></p> <p>a) Apakah maksud peperiksaan yang diambil boleh membaiki peluang hidup di masa hadapan?</p>	Apa-apa jua peperiksaan yang memberi nilai tambah kepada kehidupan pegawai dari aspek pengetahuan, kemahiran, pengiktirafan dan kemajuan diri.
	b) Pegawai sebelum ini telah diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) untuk menyambung pelajaran di peringkat PhD. Apabila tempoh belajar telah tamat, pegawai kembali melapor diri untuk bertugas. Sebulan selepas kembali bertugas, pegawai telah dijadualkan untuk membuat pembentangan kertas penyelidikan ( <i>viva voce</i> ) untuk menyelesaikan PhD. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Mengambil Peperiksaan?	Layak.  Pegawai boleh mengambil CTR Kelompok Mengambil Peperiksaan bagi tujuan pembentangan kertas penyelidikan di universiti ( <i>viva voce</i> ) pada hari pembentangan sahaja, tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>c) Pegawai merupakan Penolong Akauntan Gred 5 dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Akauntan. Pegawai ingin memohon untuk menggunakan CTR Kelompok Mengambil Peperiksaan untuk jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred 9 secara atas talian. Adakah Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pegawai tersebut?</p>	<p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan CTR Kelompok kepada pegawai pada hari peperiksaan sahaja tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p>
	<p>d) Pegawai bertugas di Kementerian X. Pegawai mempunyai kemahiran membuat kek lapis Sarawak dan selalu menerima tempahan kek daripada rakan pejabat. Bagi menambahkan lagi kemahiran dalam membuat kek, pegawai ingin mengambil peperiksaan pembuatan kek yang dianjurkan oleh pusat kemahiran swasta. Memandangkan pegawai belum pernah menggunakan kelayakan CTR Kelompok pada tahun tersebut, pegawai ingin memohon untuk menggunakan CTR Kelompok Mengambil Peperiksaan selama satu (1) hari. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan tersebut?</p>	<p>Layak. Pegawai boleh memohon CTR Kelompok Mengambil Peperiksaan selama satu (1) hari iaitu pada hari peperiksaan tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.	<p><b><u>CTR Kelompok Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat</u></b></p> <p>a) Pegawai berkhidmat di Kuala Lumpur dan telah disapina sebagai saksi bagi pihak bukan Kerajaan di mahkamah Kuala Lumpur pada 7 Januari 2025. Jarak pejabat pegawai dengan mahkamah hanya 10 km. Pegawai ingin memohon menggunakan CTR Kelompok Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat pada 7 Januari 2025. Adakah Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pegawai tersebut?</p>	<p>Tidak boleh</p> <p>Sekiranya pegawai disapina untuk hadir di mahkamah dalam ibu pejabat, pegawai boleh memohon untuk menggunakan Peraturan Kebenaran Keluar Pejabat (4 jam)</p>
	<p>b) Pegawai bertugas di Putrajaya dan mendapat sapina untuk menghadiri mahkamah di Melaka sebagai saksi bagi kes kecurian di rumah keluarga beliau di Melaka. Adakah pegawai layak diberi CTR Kelompok Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat?</p>	<p>Layak</p> <p>Pegawai yang dipanggil sebagai saksi bagi kes mahkamah yang tidak melibatkan pihak Kerajaan adalah layak dipertimbangkan kemudahan CTR Kelompok Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat iaitu mengikut tempoh sebenar termasuk perjalanan pergi dan balik maksimum 20 hari setahun tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10.	<p><b><u>CTR Kelompok Menghadiri Aktiviti Koperasi</u></b></p> <p>a) Pegawai merupakan pegawai di Jabatan Pertanian Selangor dan merupakan ahli Koperasi Koswip Malaysia Berhad. Pada 15 Januari 2025, Suruhanjaya Koperasi Malaysia menganjurkan Kursus <i>Artificial Intelligence</i> (AI) Untuk Pemasaran Koperasi. Adakah pegawai layak untuk memohon CTR?</p>	<p>Layak.</p> <p>CTR Kelompok Menghadiri Aktiviti Koperasi diberikan kepada pegawai bagi menghadiri aktiviti koperasi yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Institut Koperasi Malaysia atau mana-mana tempat yang ditentukan.</p> <p>Pegawai boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk menggunakan CTR Kelompok Menghadiri Aktiviti Koperasi untuk menghadiri kursus, latihan, seminar atau mesyuarat koperasi yang diadakan di dalam atau di luar Malaysia yang telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia.</p>
11.	<p><b><u>CTR Kelompok Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri</u></b></p> <p>Pegawai telah dijemput untuk menghadiri lawatan kebudayaan anjuran Kementerian Belia dan Sukan ke Luar Negara. Bilakah bermulanya perkiraan CTR ini?</p>	<p>CTR Kelompok Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri adalah berdasarkan tarikh lawatan kebudayaan termasuk perjalanan pergi dan balik maksimum 20 hari setahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok pegawai.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
12.	<p><b><u>CTR Kelompok Pertandingan Musabaqah Al-Quran</u></b></p> <p>Pegawai ingin menjadi peserta dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan. Program ini berlangsung selama 2 minggu. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Pertandingan Musabaqah Al-Quran bagi tempoh 2 minggu tersebut?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>CTR Kelompok Pertandingan Musabaqah Al-Quran hanya boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sahaja sama ada sebagai peserta atau pembimbing.</p>
13.	<p><b><u>CTR Kelompok Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)</u></b></p> <p>Pegawai telah dilantik ke jawatan tetap sebagai Pembantu Tadbir di Kementerian K dan diarahkan untuk melapor diri pada 6 Januari 2025. Pada, 17 Januari 2025, pegawai telah dipilih untuk menjadi juru latih PLKN dan dikehendaki untuk mengikuti kursus jurulatih PLKN selama 2 minggu. Adakah pegawai layak memohon untuk menggunakan CTR Kelompok Jurulatih PLKN?</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak memohon untuk menggunakan CTR Kelompok Jurulatih PLKN bagi mengikuti kursus jurulatih tersebut tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Tempoh yang dibenarkan adalah mengikut tempoh sebenar kursus termasuk perjalanan pergi dan balik maksimum 20 hari setahun tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
14.	<p><b><u>CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat</u></b></p> <p>a) Adakah pegawai yang terlibat dengan aktiviti khidmat masyarakat anjuran yayasan yang didaftarkan di bawah <i>Trustees (Incorporation) Ordinance</i> (Sabah Cap.148) layak memohon CTR ini?</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai boleh memohon CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat ini kerana yayasan yang didaftarkan di bawah <i>Trustees (Incorporation) Ordinance</i> (Sabah Cap.148) termasuk dalam tafsiran pertubuhan yang diluluskan di dalam syarat umum CTR Kelompok.</p>
	<p>b) Adakah kemudahan CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat terpakai untuk aktiviti khidmat masyarakat di luar negara?</p>	<p>Tidak terpakai.</p> <p>Kemudahan CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat ini hanya terpakai bagi aktiviti khidmat masyarakat di dalam negara sahaja.</p>
	<p>c) Pegawai hanya mengemukakan gambar aktiviti khidmat masyarakat yang disertai bersama pertubuhan yang diluluskan kepada Ketua Jabatan untuk memohon CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat. Adakah gambar tersebut boleh dianggap sebagai dokumen pembuktian semasa memohon CTR ini?</p>	<p>Tidak boleh.</p> <p>Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan mengemukakan surat daripada pertubuhan mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan.</p>
	<p>d) Adakah kadar CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat maksimum lima (5) hari ini hanya boleh digunakan untuk sekali penyertaan dalam aktiviti khidmat masyarakat?</p>	<p>Kemudahan CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat tidak terhad kepada bilangan aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan sebaliknya tertakluk kepada bilangan hari yang digunakan. Pegawai boleh menggunakan baki CTR yang ada untuk melaksanakan aktiviti</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		khidmat masyarakat yang lain tertakluk kepada maksimum lima (5) hari setahun tertakluk kepada baki CTR Kelompok.
	e) Adakah aktiviti khidmat masyarakat seperti memberi makan kepada gelandangan boleh diberi CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat?	Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat seperti memberi makan kepada gelandangan tersebut dianjurkan oleh pertubuhan yang diluluskan, maka Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kemudahan CTR Kelompok Aktiviti Khidmat Masyarakat maksimum lima (5) hari setahun tertakluk kepada baki CTR Kelompok.
	f) Adakah pegawai perlu memohon Cuti Tanpa Rekod atau menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G sekiranya pegawai hanya menyertai aktiviti khidmat masyarakat dengan pertubuhan yang diluluskan bagi tempoh tiga (3) jam?	Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan kurang daripada empat (4) jam, pegawai hendaklah menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja (Ceraian SR.4.2.2) tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.
15.	<p><b><u>CTR Kelompok Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa</u></b></p> <p>Pegawai bertugas sebagai Pegawai Aset di Kementerian X dan mempunyai sarjana dalam Pengurusan Sumber Tanah daripada Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Pegawai telah dijemput oleh pihak UPM untuk menjadi ahli panel dalam</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak memohon CTR Kelompok Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa selama tiga (3) hari tertakluk kepada baki CTR Kelompok dan pertimbangan Ketua Jabatan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>persidangan tanah peringkat Antarabangsa yang diadakan di Pulau Pinang selama tiga (3) hari. Adakah pegawai layak memohon CTR Kelompok Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa bagi menghadiri persidangan tersebut?</p>	
16.	<p><b><u>CTR Kelompok Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa</u></b></p> <p>Pegawai telah dipilih oleh Jabatan X untuk menyertai program pertukaran belia di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah selama satu (1) minggu. Pegawai ingin memohon menggunakan CTR Kelompok Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa bagi menyertai program tersebut. Adakah Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pegawai tersebut?</p>	<p>Tidak boleh.</p> <p>Permohonan pegawai tidak menepati syarat-syarat CTR Kelompok Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa kerana melibatkan program pertukaran belia peringkat Kebangsaan sahaja.</p>
17.	<p><b><u>CTR Kelompok Menghadiri Mesyuarat/ Bengkel/ Seminar Anjuran Pihak Pekerja MBK</u></b></p> <p>Pegawai merupakan ahli Pihak Pekerja MBK dan telah mendapat jemputan daripada Pengerusi Pihak Pekerja MBK untuk menghadiri jamuan persaraan pada hari bekerja yang diadakan di hotel di Lembah</p>	<p>Tidak Layak.</p> <p>Hanya jemputan bagi menghadiri mesyuarat, bengkel dan seminar anjuran Pihak Pekerja MBK sahaja yang boleh menggunakan</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>Klang. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Menghadiri Mesyuarat/ Bengkel/ Seminar Anjuran Pihak Pekerja MBK untuk menghadiri jamuan persaraan tersebut?</p>	<p>kemudahan ini. Bagi jamuan persaraan sekiranya diadakan pada hari bekerja, pegawai boleh menggunakan Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji yang berkecualan.</p>
<p>18.</p>	<p><b><u>CTR Kelompok Hari Mengundi</u></b></p> <p>Pegawai merupakan pemilih berdaftar bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) XYZ dan tarikh mengundi pegawai adalah pada 6 Mei 2025 (Selasa). Pegawai ingin memohon menggunakan CTR Kelompok Hari Mengundi selama tiga (3) hari iaitu termasuk hari perjalanan pergi dan balik. Adakah Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pegawai tersebut?</p>	<p>Ketua Jabatan hanya boleh mempertimbangkan CTR Kelompok Hari Mengundi selama satu (1) hari sahaja iaitu pada 6 Mei 2025 yang merupakan tarikh pegawai mengundi tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p>
<p>19.</p>	<p><b><u>CTR Kelompok Rawatan Hemodialisis</u></b></p> <p>a) Pegawai mempunyai penyakit buah pinggang dan perlu menjalani rawatan hemodialisis secara berkala selama 60 hari mengikut jadual yang ditetapkan oleh pegawai perubatan. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Rawatan Hemodialisis sebanyak 60 hari bagi rawatan hemodialisis tersebut?</p>	<p>Tidak Layak bagi penggunaan selama 60 hari.</p> <p>Pegawai hanya layak menggunakan CTR Kelompok Rawatan Hemodialisis maksimum 20 hari tertakluk kepada baki CTR Kelompok.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>b) Pegawai telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan untuk menjalani rawatan hemodialisis tiga (3) kali seminggu. Memandangkan rumah pegawai terletak jauh daripada pusat hemodialisis Kerajaan, pegawai bercadang untuk mendapatkan rawatan hemodialisis di pusat rawatan hemodialisis swasta yang tidak berdaftar kerana terletak berdekatan dengan rumah pegawai. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Rawatan Hemodialisis untuk mendapat rawatan di pusat hemodialisis swasta tersebut?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai perlu mendapatkan rawatan hemodialisis di pusat rawatan hemodialisis swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).</p>
20.	<p><b><u>CTR Kelompok Perayaan</u></b></p> <p>a) Adakah CTR Hari Deepavali terpakai kepada Pegawai Perkhidmatan Awam beragama Hindu yang bertugas di Sarawak?</p>	<p>Ya.</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam beragama Hindu yang bertugas di Sarawak boleh menggunakan CTR Kelompok Perayaan Hari Deepavali iaitu apabila Hari Deepavali jatuh pada hari bekerja pegawai boleh memohon CTR Kelompok Perayaan Hari Deepavali pada hari tersebut. Sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari Ahad, pegawai boleh memohon CTR pada hari berikutnya.</p>
	<p>b) Pegawai berketurunan etnik Kadazan dan menganut agama Kristian yang berkhidmat di Putrajaya. Pegawai ingin memohon menggunakan</p>	<p>Pegawai boleh memohon menggunakan CTR Kelompok CTR Perayaan Good Friday tertakluk kepada baki CTR Kelompok memandangkan perayaan Good Friday bukan merupakan Hari</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>CTR Kelompok Perayaan Good Friday dan CTR Sempena Pesta Kaamatan pada tahun yang sama. Adakah pegawai perlu memilih salah satu kemudahan tersebut atau boleh menggunakan dua (2) kemudahan tersebut pada tahun berkenaan?</p>	<p>Kelepasan Am di Putrajaya.</p> <p>Pegawai juga boleh memohon menggunakan CTR Pesta Kaamatan tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.</p>
	<p>c) Pegawai beragama Islam dan berasal dari Melaka. Pegawai baru ditempatkan di Jabatan X yang terletak di Kota Bharu. Pada Hari Raya Haji Kedua pegawai ingin memohon CTR Kelompok Perayaan Hari Raya Haji Kedua selama satu (1) hari. Adakah pegawai layak untuk memohon?</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>CTR Kelompok Perayaan Hari Raya Haji Kedua tidak terpakai kepada pegawai perkhidmatan awam yang bertugas di Kelantan memandangkan Hari Raya Haji Kedua merupakan Hari Kelepasan Am di Kelantan.</p>
	<p>d) Pegawai menganut agama Hindu dan bertugas di Pulau Pinang. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan CTR Kelompok Perayaan Deepavali dan CTR Kelompok Perayaan Thaipusam?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Perayaan Deepavali untuk hari kedua tertakluk kepada baki CTR Kelompok dan pertimbangan Ketua Jabatan.</p> <p>Pegawai tidak layak menggunakan CTR Kelompok Perayaan Thaipusam kerana Thaipusam merupakan Hari Kelepasan Am di Pulau Pinang.</p>
21.	<p>Bagaimanakah pelaksanaan CTR Kelompok yang memperuntukkan bilangan hari termasuk perjalanan pergi dan balik?</p>	<p>Bagi CTR Kelompok yang memperuntukkan bilangan cuti yang merangkumi perjalanan pergi dan balik, pelaksanaannya adalah seperti berikut:</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. tiada had kekerapan perjalanan pergi dan balik tertakluk kepada kadar yang ditetapkan.</li> <li>ii. sekiranya aktiviti dilaksanakan di luar ibu pejabat, pegawai boleh menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) CTR Kelompok bagi tujuan perjalanan pergi dan balik; atau</li> <li>b) menggunakan Peraturan Kebenaran Keluar Pejabat (4 jam) bagi tujuan perjalanan pergi dan balik mana yang berkaitan.</li> </ul> </li> <li>iii. sekiranya aktiviti dilaksanakan dalam ibu pejabat, pegawai perlu menggunakan Peraturan Kebenaran Keluar Pejabat (4 jam) bagi tujuan perjalanan pergi dan balik.</li> </ul>
22.	<p>Pegawai berkhidmat di Putrajaya dan telah disapina sebagai saksi bagi pihak bukan Kerajaan di mahkamah Kota Kinabalu pada 4 Mac 2025 (Selasa). Penerbangan pegawai daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu adalah pada 3 Mac 2025 (Isnin) jam 5 petang kerana pegawai menghadiri mesyuarat di pejabat pada sebelah pagi. Penerbangan balik pegawai daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur adalah pada 5 Mac 2025 (Rabu)</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kebenaran keluar pejabat bagi tujuan perjalanan pergi iaitu pada sebelah petang 3 Mac 2025 memandangkan pegawai menghadiri mesyuarat di pejabat pada sebelah pagi.</p> <p>Pada 5 Mac 2025 iaitu hari perjalanan balik, pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat atau kebenaran keluar pejabat mana yang berkaitan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>jam 10 pagi. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat atau kebenaran keluar pejabat pada 3 Mac 2025 dan pada 5 Mac 2025 bagi perjalanan pergi dan balik?</p>	
<b>Pelaksanaan CTR Kelompok Dalam Tempoh Peralihan Sistem Saraan (1 Disember 2024 hingga 31 Disember 2024)</b>		
23.	<p>Berapakah kadar kelayakan CTR Kelompok bagi tempoh 1 Disember hingga 31 Disember 2024 yang pegawai boleh gunakan?</p>	<p>Kadar kelayakan CTR Kelompok pada 1 Disember hingga 31 Disember 2024 adalah maksimum 20 hari mengambil kira CTR Kelompok mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2024. Oleh itu kadar adalah mengikut kadar satu (1) tahun. Perkara ini hanya terpakai untuk 1 Disember hingga 31 Disember 2024 sahaja mengambil kira tempoh peralihan daripada Sistem Saraan Malaysia (SSM) ke Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).</p>
24.	<p>Pegawai telah menggunakan CTR Umrah/ CTR Keagamaan selama 7 hari pada tahun 2021 (berdasarkan peraturan berkuat kuasa pada ketika itu, kadar CTR Umrah/ CTR Keagamaan adalah maksimum 7 hari, diberikan sekali sahaja (<i>one-off</i>) sepanjang tempoh perkhidmatan). Mengambil kira CTR Kelompok Umrah/ CTR Kelompok Keagamaan di bawah SSPA telah memperuntukkan bilangan hari yang boleh diambil adalah di antara satu (1) hingga 20 hari dalam satu (1) tahun kalendar, adakah pegawai layak menggunakan baki</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>Oleh kerana pegawai telah menggunakan kemudahan CTR Umrah/ CTR Keagamaan pada tahun 2021 (7 hari), maka pegawai tidak lagi layak menggunakan CTR Kelompok Umrah/ CTR Kelompok Keagamaan. Syarat CTR Kelompok Umrah/ CTR Kelompok Keagamaan adalah diberikan sekali sahaja (<i>one-off</i>) sepanjang tempoh perkhidmatan, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik.</p> <p>Persoalan berhubung baki 13 hari tersebut adalah tidak berbangkit</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	13 hari CTR Kelompok Umrah/ CTR Kelompok Keagamaan pada bulan Disember 2024?	kerana syarat khusus CTR ini adalah penggunaan secara ( <i>one-off</i> ) sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai termasuk yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik.
25.	Pegawai telah menggunakan CTR Aktiviti Khidmat Masyarakat sebanyak 5 hari pada bulan September 2024 bagi misi bantuan banjir di Kedah. Adakah pegawai masih layak untuk menggunakan CTR Kelompok Khidmat Masyarakat pada bulan Disember 2024?	Layak.  Pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Khidmat Masyarakat maksimum lima (5) hari pada 1 Disember hingga 31 Disember 2024 tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.
26.	Pegawai telah menggunakan kemudahan Cuti Isteri Bersalin pada bulan Januari 2024 sebanyak 7 hari bagi kelahiran anak ketiga. Isteri pegawai dijangka bersalin anak keempat pada 10 Disember 2024. Adakah pegawai layak menggunakan CTR Kelompok Isteri Bersalin sekiranya isteri pegawai melahirkan anak keempat mereka pada Disember 2024? Berapakah kadar yang pegawai layaki?	Layak.  Sekiranya isteri pegawai melahirkan anak keempat mereka pada bulan Disember 2024, pegawai layak menggunakan di antara satu (1) hingga 20 hari CTR Kelompok Isteri Bersalin bermula pada tarikh isteri pegawai bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat, tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.
27.	Adakah pegawai layak menggunakan kesemua 13 jenis CTR sedia ada yang terangkum dalam CTR Kelompok pada bulan Disember 2024 sekiranya pegawai telah menggunakan mana-mana CTR tersebut pada tahun 2024 (kecuali CTR Umrah dan CTR Keagamaan)?	Layak.  Pegawai adalah layak menggunakan kesemua CTR tersebut (kecuali CTR Umrah dan CTR Keagamaan) tertakluk kepada tempoh dan syarat bagi setiap CTR Kelompok adalah sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Lampiran SR.5.7.1(A) (Syarat Khusus Dan Tempoh CTR Kelompok).